



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Ministry of Education

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002

Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: KPM.600-4/1/1 Jld.56 (86)

Tarikh : 6 Julai 2026

Pengurus

Big Tree Academy Malaysia Sdn. Bhd.

53B, Jalan Bayu Tinggi 7

Taman Bayu Tinggi, Klang

41200 Selangor

Tuan,

**PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PELIBATAN MURID BAGI
PERTANDINGAN MALAYSIA MATHEMATICAL ARITHMETIC FOR SCHOOLS
2026 ANJURAN BIG TREE ACADEMY MALAYSIA SDN. BHD.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan berkaitan juga dengan surat tuan bertarikh 26 Mei 2026.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) mengucapkan tahniah atas usaha pihak **Big Tree Academy Malaysia Sdn. Bhd.** kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui penyertaan dalam **Pertandingan Malaysia Mathematical Arithmetic For Schools (MiMAS) 2026** yang telah dilaksanakan pada **20 hingga 26 April 2026**.

3. BSKK telah menerima serta meneliti laporan pelibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan ialah **Pelibatan II Peringkat Kebangsaan** bagi semua murid yang menyertai program berkenaan dan **Pencapaian Peringkat Kebangsaan** kepada murid yang memperoleh tempat dalam program/pertandingan berkenaan.

4. Markah pengiktirafan ini hendaklah diambil kira dalam pemarkahan kokurikulum di bawah Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan tersebut, pihak sekolah hendaklah merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di Lampiran A. Pihak penganjur perlu mengemukakan salinan surat pengiktirafan program beserta senarai murid terlibat kepada jabatan pendidikan negeri (JPN) dan sekolah yang berkaitan.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Unit Kelab dan Persatuan melalui talian **03-88841090** atau e-mel **ukp.bskk@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ITHNIN BIN MAHADI)

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan

s.k.: Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

Izyan/PAJSK2026/MyDoc2026